

# **RUNDINGAN KEMERDEKAAN: REALITI DAN PEMBINAAN BANGSA MELAYU BAHARU**

**Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain  
Penasihat Undang-Undang  
Universiti Malaysia Perlis**

## **PENGENALAN**

Bulan ini banyak acara diatur untuk menyambut ulangtahun Hari Merdeka atau dikenali juga Hari Kebangsaan di peringkat Negeri dan Kebangsaan. Perbincangan tentang Hari Merdeka sering menyentuh rundingan kemerdekaan dan penginstitutionan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada tanggal 31 Ogos 1957. Rundingan Kemerdekaan dikatakan satu proses yang berlaku hasil daripada Persidangan London pada awal tahun 1956 sehinggalah akhirnya Tanah Melayu dimerdekakan oleh British. Itulah fahaman umum yang disebar luas sehinggalah timbul persepsi bahawa Tanah Melayu telah dijajah ratusan tahun dan kerana permuafakan rakyat berbilang kaum maka British memerdekakan Tanah Melayu dengan menyerahkannya kepada rakyat untuk memerintah.

Sekiranya disoroti kenyataan di atas dengan dokumen perundangan dan fakta sebenar yang berlaku ketika itu, didapati faktor penentu kepada kemerdekaan dan penginstitutionan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 adalah berpaksi pada persetujuan Raja-raja Melayu dan matlamat pemersekutuan kuasa-kuasa Kerajaan Negeri Melayu dengan dua buah Negeri Selat bagi maksud untuk membentuk sebuah kerajaan pusat yang kuat. Proses rundingan kemerdekaan bermula apabila Malayan Union dibatalkan manakala asas pembinaan negara bangsa Tanah Melayu dilandaskan pada Perjanjian Negeri yang ditandatangani oleh sembilan orang Raja-Raja Melayu dengan Kerajaan British pada 21 Januari 1948.

Fahaman betul tentang kedudukan sistem politik semasa berlakunya rundingan kemerdekaan amat mustahak untuk berlaku adil kepada peranan Raja-Raja Melayu dan kedudukan Kerajaan-kerajaan Melayu yang bersekutu membentuk Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Di samping itu, kefahaman tentang istilah bangsa Melayu dapat merekonfigurasi pemikiran rakyat untuk dijadikan landasan perpaduan nasional.

## **PERKEMBANGAN PERLEMBAGAAN**

Dalam Perjanjian Harold McMichael 1945 dan perjanjian-perjanjian yang menggantikannya pada tahun 1948, iaitu Perjanjian Negeri, istilah perundangan yang digunakan untuk menunjukkan matlamat perjanjian itu ialah perkembangan perlembagaan untuk mencapai “*peace, order and good government of the Malay States..*”.

Selanjutnya dinyatakan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, “*that progress should be made towards eventual self-government and, as a first step to that end, His Majesty and Their Highnesses have agreed that, as soon as circumstances and local conditions will permit, legislation should be introduced for the election of members to the several legislatures to be established pursuant to this Agreement:*” (Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948: Mukaddimah).

Keterangan di atas menunjukkan bahawa rundingan yang berlaku antara tahun 1956 sehinggalah 1957 merupakan proses lanjutan daripada Perjanjian Negeri 1948. Dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, kedudukan Perlembagaan Negeri Melayu juga terus diakui seperti termaktub dalam sub-fasal 2(1), “*“Constitution of the States” means with reference to any State means such constitution as may have been enacted or granted by the Ruler of that State either before the date of the execution of this Agreement or after that date, whether before, on or after the appointed day, and includes any amendment duly made thereto;*”. Sekiranya diteliti peruntukan Perjanjian Negeri 1948, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, ternyatalah perjanjian-perjanjian itu ialah satu proses perkembangan perlembagaan untuk membentuk sebuah persekutuan dan pengukuhan negara bangsa di Tanah Melayu.

Dari sisi sejarah perundangan Tanah Melayu, prinsip perkembangan perlembagaan bermula selewat-lewatnya apabila Kesultanan Melayu Melaka berkerajaan dan seawal agama Islam dianuti oleh Kerajaan Melayu di Tanah Melayu. Prinsip di atas perlu dipegang kerana Islam masih dianuti bukan sahaja oleh Raja-Raja Melayu, bahkan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan majoriti rakyat di Semenanjung Tanah Melayu secara khususnya dan Malaysia pada amnya.

Wilayah Tanah Melayu yang berada di bawah jajahan, naungan atau bersekutu di bawah Kesultanan Melayu Melaka telah meneruskan kewujudan Alam Melayu bersama-sama dengan pegangan pada agama Islam bersyariat Nabi Muhammad SAW. Hal ini berevolusi sehingga memberi identiti baharu kepada penduduk Tanah Melayu; daripada rakyat Raja Melayu yang tidak dibatasi oleh agama kepada pengenalan orang Melayu yang disyaratkan menganuti agama Islam. Lantaran itu, rakyat Raja Melayu yang tidak menganuti agama Islam mengekalkan etnik asal mereka tanpa afiliasi (affiliation) Melayu. Inilah hakikat orang asal di Tanah Melayu sebelum kelahiran istilah 'bangsa' dan kewarganegaraan.

Dalam sistem tradisional Melayu yang pada awalnya dipengaruhi '*sinkretism*', adat tempatan merupakan cara hidup dan peraturan. Setelah agama Islam dianuti oleh Raja-Raja Melayu maka majoriti rakyat mereka menerima sama syariat Nabi Muhammad SAW lantaran adat tempatan terus diamalkan selagi tidak bercanggah dengan prinsip ajaran Islam secara berevolusi sebagai peraturan hidup. Peraturan hidup itu merangkumi sistem politik, ekonomi dan sosial yang difahami sebagai adat Melayu sama ada dalam bentuk bertulis atau tidak. Manakala hukum-hakam menyentuh ibadat, warisan harta dan perkahwinan yang bersifat undang-undang peribadi lebih tampak ketara sebagai hukum Islam dalam kalangan rakyat kerana hukum-hukum itu lebih dekat dan menjadi amalan dalam masyarakat mereka.

Pada peringkat awal lagi, sistem Mahkamah dalam amalan tradisional Melayu yang menguatkuasakan undang-undang Islam merangkumi perlembagaan, jenayah dan muamalah kekal dalam bidang kuasa sedia ada. Dalam pengadilan undang-undang peribadi pula ditadbir oleh qadi atau faqih.

Premis di atas terus berkembang sehingga timbul persepsi bahawa apabila berlaku campur tangan British hanya Mahkamah Qadi atau Syariah yang menguatkuasakan hukum-hukum Islam, sedangkan Islam ialah undang-undang watan Tanah Melayu yang mendasari sistem politik dan prinsip perundangannya. Pada sisi ini, undang-undang yang diperkenalkan atas nasihat British yang bercanggah dengan prinsip perundangan watan bersumberkan ajaran Islam boleh dicabar. Prinsip sedemikian diakui dalam prinsip perundangan yang diputuskan oleh mahkamah-mahkamah di Tanah Melayu semasa zaman campur tangan British malah digubal dalam enakmen bagi pemakaian undang-undang sivil ketika itu dan prinsip sama termaktub dalam Akta Undang-Undang Sivil 1956 (semakan 1972).

Keadaan di atas menggambarkan beberapa asas kenegaraan di Tanah Melayu sebelum Malayan Union diperkenalkan pada 1 April 1946 yang akhirnya dibatalkan dengan Perjanjian Negeri 1948. Perlu dinyatakan bahawa banyak peruntukan dalam *Malayan Union Order in Council 1946* telah digantung seawal bulan Julai 1946, hanya beberapa bulan Malayan Union dimasyhurkan malah idea untuk menubuhkan Malayan Union tercetus akibat kegagalan British untuk melindungi Kerajaan-kerajaan Melayu daripada ancaman luar. Kegagalan itu berlaku apabila British diusir oleh tentera Jepun.

Apa yang berlaku sehinggalah tanggal 31 Ogos 1957 merupakan perkembangan perlembagaan di setiap Kerajaan-kerajaan Negeri Melayu yang membawa kepada pembentukan sebuah Persekutuan. Sebaliknya, rundingan antara kaum atau kontrak sosial merupakan naratif yang dibina untuk menjustifikasikan bahawa kedaulatan Raja-Raja Melayu sudah berpindah kepada rakyat. Lebih dahsyat lagi kononnya tanpa persetujuan bukan rakyat Raja Melayu, yang dikenali sebagai kaum-kaum pendatang tentang Islam, institusi Raja, bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan kuasa Negeri-negeri Melayu maka Tanah Melayu tidak akan diberikan kemerdekaan oleh British. Justeru, orang Melayu iaitu rakyat Raja Melayu seperti takrifan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 bersetuju memberi kerakyatan kepada kaum-kaum pendatang kerana itu syarat kemerdekaan daripada British.

Kesan daripada fahaman di atas begitu serius kerana sekian lama rakyat dikelirukan antara istilah rundingan kemerdekaan dengan rundingan antara kaum. Kekeliruan tersebut melahirkan naratif nakal bahawa tanpa persetujuan orang Melayu untuk membuka kewarganegaraan kepada bukan bangsa asal di Tanah Melayu maka Tanah Melayu tidak akan diberi kemerdekaan oleh British. Lebih malang lagi, ada yang mendakwa kononnya tanpa persetujuan '*the founding fathers*' maka Islam, sistem beraja, bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan lain-lain peruntukan yang menjamin semua kedudukan tersebut tidak akan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Kesemua itu terhasil daripada rundingan kaum yang dinobatkan sebagai kontrak sosial.

## **RUNDINGAN KEMERDEKAAN**

Rundingan Kemerdekaan ialah rundingan antara Kerajaan-kerajaan Negeri Melayu dengan British. Dari sisi lain, terdapat juga rundingan untuk mendapat pandangan para pemimpin yang dipilih oleh rakyat bagi maksud untuk mentadbir kuasa-kuasa yang diserahkan oleh

Kerajaan-kerajaan Negeri Melayu kepada Kerajaan Persekutuan yang bakal diwujudkan. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 hanyalah mengabsahkan kerajaan interim di peringkat persekutuan.

Satu fakta yang tidak boleh dinafikan bahawa di Tanah Melayu sudah berdiri undang-undang perlembagaan di setiap Kerajaan Negeri-negeri Melayu sebelum tahun 1948 lagi. Bermula pada 1 Februari 1948, lahirlah undang-undang perlembagaan dalam bentuk moden tetapi masih mengekalkan prinsip kedaulatan watan sedia ada. Undang-undang Perlembagaan itu dinamakan Undang-Undang Tubuh Kerajaan bagi Negeri-Negeri Melayu selain Kerajaan Terengganu. Kerajaan Terengganu mengeluarkan perlembagaannya sebagai Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu. Sebagai rekod, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 dan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911 sudah digubal dalam bentuk moden lebih awal dari tarikh 1948.

Kemajuan selepas pembentukan Kerajaan Persekutuan interim pada tahun 1948 membawa kepada Persidangan London 1956. Secara ringkasnya, dalam tempoh dari tahun 1946 hingga 1957, berlaku rundingan-rundingan di pelbagai peringkat. Pertama, rundingan antara Raja-Raja Melayu dengan Kerajaan British yang mewakili Negeri-negeri Selat untuk membentuk Kerajaan Persekutuan interim 1948 selanjutnya Kerajaan Yang di-Pertuan Agong melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. Hasilnya termaktublah Jadual 9 dan lain-lain peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang bersifat agihan kuasa kepada Persekutuan. Kedua, proses bagi Kerajaan-Kerajaan Negeri Melayu berkerajaan sendiri bebas daripada campur tangan British. Ketiga, proses bagi Negeri-Negeri Selat untuk merdeka dan diserahkan kedaulatannya kepada Kerajaan Yang di-Pertuan Agong. Keempat, semakan semula syarat-syarat kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu yang diperkenalkan sejak 1948 setelah *Malayan Union Order in Council 1945* dibatalkan dan pertimbangan permohonan kaum pendatang untuk menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu. Justeru dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terdapat syarat-syarat dan sumpah kewarganegaraan, iaitu Borang VIII begitu juga Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Kelima, lahirlah bangsa Melayu yang terdiri daripada orang Melayu, orang Asli dan bukan orang Melayu (kaum-kaum etnik lain) yang tertakluk pada kedudukan istimewa orang Melayu (Perkara 153 dan Perkara 8(5)) dan orang Asli (Perkara 8(5)). Atas rayuan para pemimpin kaum pendatang yang berjanji untuk menjadikan Persekutuan Tanah Melayu sebagai "*their real home*" dan "*the subject of their loyalty*" maka kepentingan sah

mereka juga anak cucu mereka sebagai warganegara Persekutuan Tanah Melayu dijamin oleh Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Jelaslah bahawa rundingan yang berlaku bukanlah rundingan antara kaum yang cuba dinobatkan sebagai kontrak sosial. Rundingan sebenar yang berlaku ialah antara Raja-Raja Melayu dengan British untuk menyatukan sembilan buah Negeri Melayu dengan dua buah Negeri Selat dalam bentuk sebuah Persekutuan di bawah kedaulatan Yang di-Pertuan Agong. Dalam proses itu rakyat Raja Melayu, rakyat British di Tanah Melayu dan "*stateless persons*" diberi peluang untuk mengemukakan pandangan mewakili kepentingan mereka masing-masing kepada Suruhanjaya Reid yang ditubuhkan oleh Raja-Raja Melayu dan Kerajaan British.

Suruhanjaya Reid ditubuhkan untuk mengutip pandangan dan mengemukakan cadangan dalam kerangka terma-terma rujukan yang ditetapkan oleh Ratu England dan Raja-Raja Melayu. Cadangan itu kemudiannya diberikan pertimbangan oleh Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1957 sebelum dimuktamadkan oleh Raja-Raja Melayu dengan Kerajaan British dalam Kertas Putih. Proses itu tidak tamat di situ sahaja kerana masih perlu dibawa kepada Dewan Perundangan Negeri sebagai badan penasihat DiRaja yang akhirnya persetujuan Raja-Raja Melayu dipohon kerana pada baginda sumber kuasa di Tanah Melayu.

Amalan perundingan di peringkat para penasihat atau pembesar kerajaan sekian lama dilaksanakan di Tanah Melayu iaitu syura dalam struktur tradisional. Perbezaannya hanya dari sudut bentuk namun prinsip kedaulatan watan di Tanah Melayu masih terpelihara. Kelestarian prinsip kedaulatan Raja-Raja Melayu pada tarikh sebelum penginstitusian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan pascanya tetap kekal seperti termaktub dalam Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan.

## **KELAHIRAN BANGSA MELAYU**

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan 1957 merupakan proses yang menunjukkan perkembangan negara-bangsa apabila sebuah persekutuan terbentuk dan kaum-kaum pendatang diterima sebagai warganegara Persekutuan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun kedudukan istimewa orang Melayu dan orang Asli sebagai bangsa asal dipelihara malah terus dijamin dalam Perkara 153 dan 8(5) Perlembagaan Persekutuan.

Ringkasnya, warganegara Persekutuan Tanah Melayu ialah bangsa Melayu yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dan anutan agama. Penerimaan kaum pendatang untuk menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu, atau dari sudut kenegaraan sebagai bangsa Melayu, menuntut taat setia tidak berbelah-bahagi oleh setiap seorang daripada mereka kepada elemen-elemen watan Tanah Melayu. Elemen watan Tanah air ialah kedudukan Islam sebagai agama Tanah Melayu, institusi Raja Melayu, bahasa Melayu termasuklah tulisan Jawi, adat resam Melayu, serta kedudukan orang Melayu dan orang Asli sebagai bangsa asal. Elemen-elemen watan di atas tidak patut dipertikai kerana itulah syarat yang perlu diterima sebelum seorang kaum pendatang itu diterima sebagai warganegara Persekutuan Tanah Melayu apatah lagi kepentingan sah setiap ahli kaum itu juga termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai bangsa Melayu pasca 1948.

Dokongan kepada jati diri Tanah Melayu tidak bersifat paksaan kepada penganutan agama Islam. Namun begitu, jati diri watan Tanah Melayu merupakan asas kenegaraan yang perlu dihormati oleh setiap warganegara kerana sehingga kini masih terpelihara dan membentuk sebahagian peruntukan Perlembagaan Persekutuan; Pertama, Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan Negeri-negeri (walaupun tiada peruntukan nyata Islam sebagai agama bagi Sarawak dalam perlembagaannya pada hari ini, perlu dikaji sejarah perundangan Sarawak untuk menilai kedudukan sebenar agama Islam). Kedua, Islam sebagai prinsip utama perundangan bagi Persekutuan dan Negeri-negeri di Tanah Melayu. Ketiga, kesetiaan pada kedaulatan Institusi Raja Melayu. Keempat, pemartabatan bahasa Melayu dan tulisan jawi. Kelima, kedudukan adat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, serta adat anak-anak negeri bagi Sabah dan Sarawak dalam sistem perundangan juga kebudayaan Negeri dan kebangsaan. Keenam, kedudukan istimewa orang Melayu dan Peribumi sebagai bangsa asal. Ketujuh, jaminan kebebasan asasi termasuklah hak untuk mengamalkan agama masing-masing dengan aman. Kelapan, kedaulatan undang-undang berprinsipkan patuh syariah.

Justeru, berdasarkan prinsip di atas maka seorang bangsa Malaysia perlulah memiliki jati diri; pertama, menghormati kedudukan Islam dalam Negara. Kedua, setia pada kedaulatan Institusi Raja Melayu. Ketiga, pengamal bahasa Melayu dan meraikan tulisan jawi. Keempat, mempunyai nilai-nilai dan budaya murni adat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, serta adat anak-anak negeri bagi Sabah dan Sarawak sebagai panduan bagi amalan kesopanan dan ketatasusilaan hidup. Kelima, bersifat toleransi antara kaum untuk mengimbangi jurang

ekonomi dan sosial merangkumi tahap kesejahteraan hidup warganegara Malaysia berasaskan keseimbangan pada setiap lapisan masyarakat. Keenam, menjunjung keluhuran Perlembagaan Persekutuan. Ketujuh, menjunjung kedaulatan undang-undang berprinsipkan patuh syariah. Kelapan, hidup beragama dan kepercayaan bertuhan selaras dengan jaminan hak kebebasan beragama. Kesembilan, perasaan cintakan Malaysia.

Prinsip Keluhuran Perlembagaan Persekutuan meletakkan jati diri watan Tanah Melayu di tempat yang tinggi dan tidak boleh dilihat sebagai satu diskriminasi kepada mana-mana pihak. Setiap warganegara malah mana-mana orang yang memasuki Malaysia mesti menghormati prinsip Keluhuran Perlembagaan Persekutuan kerana di situ juga letaknya kedaulatan undang-undang. Oleh kerana itu, jati diri watan Tanah Melayu tidak boleh dicabar mahupun cuba digugat oleh mana-mana pihak. Setiap warganegara Malaysia perlu memelihara dan mendokong setiap peruntukan yang memberi identiti kepada Malaysia.

#### **KEFAHAMAN WATAN**

Rundingan kemerdekaan akhirnya melahirkan sebuah Kerajaan Yang di-Pertuan Agong atau Kerajaan Persekutuan yang kuat, menamatkan campur tangan British di dalam hal ehwal Negeri-negeri Melayu dan penyerahan kedaulatan Negeri-negeri Selat kepada Yang di-Pertuan Agong. Prinsip dan fakta-fakta di atas menghuraikan peri-pentingnya tarikh keramat 31 Ogos 1957. Pada tarikh itu Tanah Melayu bebas daripada campur tangan British dan merayakannya dalam sambutan Hari Merdeka atau Hari Kebangsaan Tanah Melayu.

Sekiranya rundingan di atas terma-terma Persidangan London tidak berjaya, pastinya Kerajaan Negeri-Negeri Melayu akan kekal sebagai entiti bebas merdeka tanpa ikatan Persekutuan. Pada sisi lain, mana-mana individu dalam kalangan kaum-kaum pendatang yang tidak diterima sebagai bangsa Melayu atau warganegara Persekutuan Tanah Melayu, pastinya kekal dengan status bukan warganegara Persekutuan Tanah Melayu, dan Malaysia pada hari ini.

Kelahiran bangsa Melayu berserta jati diri watan seperti terpelihara dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 sewajarnya menjadi pengikat kejiwaan dan teras pembinaan perpaduan nasional. Kedudukan jati diri watan di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menjadikannya prinsip undang-undang yang perlu ditaati oleh setiap warganegara. Apabila Singapura, Sabah dan Sarawak bersekutu dengan

Persekutuan Tanah Melayu untuk membentuk Malaysia pada 16 September 1963, prinsip yang mendokong jati diri itu terus dilestarikan, malah selepas Singapura keluar dari Malaysia pada tahun 1965. Selagi jati diri watan yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan tidak dihormati oleh mana-mana pihak atau tidak dikuat kuasakan dengan tegas oleh kerajaan, sudah pasti masyarakat majmuk berbilang agama dan keturunan di Malaysia tidak mampu membina identiti dan keharmonian sebenar.